



kepadanya – jelasnya dimestikan menganut salah satu mazhab tersebut.

* * *

Encik Sya'rani dari Singapura bertanya:

Saya mempunyai syer dalam salah satu syarikat yang mendirikan hotel di Singapura. Kata setengah kawan kepada saya, menjadi ahli dalam syarikat tersebut hukumnya haram, kerana di sana (hotel) ada menyediakan minuman-minuman keras yang dihidangkan kepada pelanggan-pelanggan dan penginap-penginap hotel tersebut. Bagaimana pendapat tuan?

Jawapannya:

Semua syarikat yang bersaham (syer) sama ada perniagaan atau lainnya pada hakikatnya adalah harus, dan keuntungan yang didapat daripadanya hukumnya halal, kecuali jika bercampur dengan perkara-perkara yang mengandungi dosa.

Sebagaimana telah umum diketahui, bahawa memperniagakan arak itu hukumnya haram, kerana ada sepuluh orang dilaknat oleh Nabi (S.A.W) disebabkan mereka terkait di dalam perkara pengharaman arak.

Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Tirmidhī dalam sebuah hadith yang berbunyi:

La'ana al-Nabiyy ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam fī al-Khamri 'ashrah: 'Āshirahā wa mu'taşirahā wa shāribahā wa sāqiyahā wa ḥāmilahā wa al-maḥmūlatu ilayhi wa bā'i'uhā wa muḥtā'ahā wa wāhibahā wa ākila thamanihā.

Ertinya: ((Nabi ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam telah melaknat sepuluh orang di dalam perkara arak; (1) Orang yang

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB

Encik Amin dari Singapura bertanya:

Adakah seorang Islam itu dimestikan bermazhab dengan salah satu mazhab yang empat?

Jawapannya:

Apa yang dijelaskan oleh para *fuqahā'*, bahawa seorang muslim jika dari golongan ((*khawāṣ*)) yakni orang-orang yang tertentu – bukan golongan orang awam, manakala ada kebolehannya untuk ((*beristinbāt*)) mengambil hukum syarak dari puncanya yang mengenai hukum fikah dan ada pengetahuannya mengenai isi *al-Qur'ān al-Karīm* dan isi *al-Sunnah al-Nabawiyah* (hadith Nabi), memahami bahasa Arab dan tahu selok belok caranya membuat pengambilan, serta tahu sampai ke mana dalamnya ilmu pengetahuan para *fuqahā'* tersebut secara umum, maka orang tersebut tidak terikat dengan mana-mana mazhab yang mesti dianutnya, bahkan hendaklah ia mengambil hukum bersandarkan dalil sahaja.

Para ulama mazhab yang empat, telah menegah sebarang orang mengambil hukum dengan bersandarkan pendapat sendiri tanpa bersandarkan bukti atau dalil.

Adapun orang-orang awam (bukan *khawāṣ*), mereka itu tentunya pergi kepada orang yang ahli lagi mempunyai ilmu dan pengalaman untuk bertanya atau menuntut ilmu

memerahnya (membuat arak). (2) Orang yang dibuatkannya. (3) Orang yang meminumnya. (4) Orang yang memberikan minum. (5) Orang yang membawanya. (6) Orang yang dibawakan. (7) Orang yang menjualnya. (8) Orang yang membelinya. (9) Orang yang menghadiahkannya. (10) Orang yang memakan harganya.

Menilik dari bukti di atas, syarikat yang tuan sebutkan itu ada menjual minum keras iaitu arak yang menggunakan wang dari ahli-ahli pemegang sahamnya (syernya). Jelaslah sudah bahawa wang tersebut tidak bersih, kerana bercampur dengan perkara yang mengandungi dosa, *Wa Allāhu a'lam*.

* * *

Encik Abu Bakar dari Kuala Lumpur bertanya:

Di dalam al-Qur'an mengatakan bahawa ((tidak ada paksaan dalam agama)), mengapa orang yang masuk Islam tak boleh menukar agamanya memilih agama yang sukainya, dan mengapa hukum orang yang keluar dari agama Islam dibunuh, pada hal agama Islam sendiri menghormati kebebasan beragama, tidakkah ini berlawanan dengan dasar Islam sendiri?

Jawapannya:

Banyak hadith yang terang-terang menggesa orang-orang yang murtad itu mesti dibunuh. Di antaranya sabda Nabi (S.A.W) berbunyi:

Lā yahillu damu amrī' muslim illā bi ihdā thalāthi; qatal nafsī bi ghayri haqq, wa zaniyyatu bithayyib, wariddatu ba'da imān.

Ertinya: ((Tidak dihalalkan menumpahkan darah seorang muslim, kecuali dengan salah satu tiga sebab; (1) Membunuh diri dengan tidak ada hak. (2)

penzina yang pernah kahwin. (3) Murtad sesudah beriman

Jelaslah di sini bahawa agama Islam menetapkan hukuman bunuh ke atas orang yang murtad iaitu setelah ia enggan untuk bertaubat dan kembali mengucap kalimah syahadah.

Hukuman ke atas orang yang murtad ini, adalah merupakan suatu perlindungan terhadap kepercayaan (akidah), dan tak ada paksaan di dalam Islam oleh kita hukuman orang yang murtad itu tidak sekali-kali berlawanan dengan dasar yang diundang-undangkan oleh Islam sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an yang



Pada mulanya merupakan sebuah masjid "Ketchaoua" yang dibina oleh kerajaan Turki di abad 17 yang lalu, kemudian diperkosa oleh Perancis menjadi gereja selama 132 tahun. Akhirnya kembali semula menjadi masjid pada 2.11.62 ke pangkuan dakyah Algeria.



Gambar kenang-kenangan selepas menyambut hari raya 1 Shawwal

1382. Pengenalan dari kiri: I. S. Muhammad Rais,

I. Muhammad Taha Ahmadiyah dan I. Tuan Ahmadi. Kiriman

Setiausaha "Persatuan Ikhwan al-Muslimin Pemuda

Pemudi Kampung Air" Brunei.

Berbunyi: (*Lā ikrāha fī al-Dīn*) ertinya: ((Tidak ada paksaan dalam beragama Islam)) itu.

Tetapi mustahak diingat, bahawa seseorang yang bebas memilih agamanya itu, manakala ia telah memilih agama Islam menjadi agamanya, ia dihukumkan sebagai orang Islam – sama ada benar ia beriman, atau hanya pada lahirnya sahaja ia beriman – begitu pula jika seseorang itu telah dilahirkan oleh dua orang ibu

bapa yang beragama Islam. Orang-orang tersebut tidak boleh keluar dari agama Islam atau hendak mengelakkan dirinya dari undang-undang yang telah dikuatkuasakan oleh agama Islam.

Tujuan yang demikian itu ialah untuk memelihara jangan sampai agama Islam itu dipersenda-sendakan atau dipermain-mainkan.

Islam dengan dasarnya ((tidak ada paksaan dalam agama)) ini, tidak pula memaksa seseorang melahirkan apa yang disembunyikannya di dalam hatinya, kerana ia menghukum yang lahir. Tetapi kalau seseorang itu menyatakan minatnya terhadap agama yang lain pada hal dia mengaku muslim, teranglah sudah bahawa keyakinannya tidak sihat dan tidak membuktikan kejujurannya bahkan merupakan orang yang demikian ((munafik)) namanya kerana dia telah masuk Islam hanya pada lahirnya – oleh sesuatu maksud atau muslihat – kemudian dengan mudah meninggalkannya. Tindakan yang diambilnya itu membahayakan, kerana akan membawa pengertian kepada orang bahawa agama Islam itu telah meragukan yang tak boleh diyakini lagi.

Maka agama Islam pula telah menetapkan hukuman bunuh terhadap orang yang keluar dari agama Islam atau murtad itu sesungguhnya adalah suatu hukuman yang adil dan tepat, demi untuk melindungi dan memelihara ((kemerdekaan beragama)) itu betul-betul mendapat perlindungan dan kawalan jangan sampai ia dijadikan permainan.